

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 25 OKTOBER 2014 (SABTU)**

| Bil | Tajuk   | Akhbar        |
|-----|---|---------------|
| 1.  | Kurang sokongan rakyat punca produk inovasi gagal dikomersial – Abu Bakar | Bernama       |
| 2.  | Seminar sehari tingkat kesedaran harta intelek                            | Berita Harian |
| 3.  | Mild quake hits island in Sabah   | The Star      |
| 4.  | Malaysia urus Lynas ikut standard IAEA                                    | Berita Harian |
| 5.  | Gempa bumi yang lemah landa Pulau Banggi, Sabah                           | Bernama       |



## Kurang Sokongan Rakyat Punca Produk Inovasi Gagal Dikomersial - Abu Bakar

MELAKA, 25 Oct (Bernama) -- Kurang sokongan daripada rakyat sendiri adalah antara faktor utama kebanyakan produk inovasi di negara ini tidak dapat dikomersialkan dengan jayanya, kata [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#).

Beliau berkata Malaysia tidak mempunyai masalah dalam menghasilkan produk baharu kerana memiliki budaya inovasi yang tinggi, bagaimanapun sikap rakyat yang lebih mempercayai produk luar negara berbanding produk tempatan amat dikesali.

Abu Bakar berkata sekiranya rakyat tidak mengubah sikap itu, produk inovasi pencipta dan pengusaha tanah air tidak akan dapat bertapak di pasaran tempatan apatah lagi dipasarkan di luar negara.

"Rakyat Malaysia ini hanya suka bertepuk tangan apabila ada produk inovasi tempatan menang pelbagai anugerah terutama di luar negara tetapi bila komersialkan tidak dapat dijual kerana rakyat sendiri susah nak beli... sikap ini perlu dikikis serta-merta dan sokonglah produk inovasi tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan produk kecantikan Ageless Eye Gel dan Ageless Firming Lotion yang dihasilkan syarikat tempatan Ageless Haven Resources dan merasmikan Glam Bazar 2014 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka pada Sabtu.

Bazar dua hari yang berakhir esok itu menampilkan 40 gerai jualan produk kecantikan, pakaian, makanan, kosmetik dan aksesori hiasan diri.

-- BERNAMA

## Seminar sehari tingkat kesedaran harta intelek

**Kuala Lumpur:** Adastra IP (M) Sdn Bhd dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) akan menganjurkan seminar harta intelek antarabangsa *IP Makes Sense*, di Wisma UOA, Jalan Bangsar Utama, di sini, pada 6 November ini.

Seminar itu bakal menampilkan beberapa pakar terkemuka berhubung harta intelek, antaranya Ahli Pertubuhan Antarabangsa bagi Perlindungan Harta Intelek, Alan MacDougall; Ahli Pertubuhan Undang-Undang Harta Intelek Amerika Syarikat, Chris Hamer; Pengarah Adastra IP (M) Sdn Bhd, Mohan K dan Ketua Pegawai Eksekutif Vission-IPR, Prof P Ganguli.

Jurucakap MyIPO, Shamsiah Kamarudin, berkata penganjuran seminar itu sangat tepat dengan peredaran masa, kerana harta intelek bukan lagi dikategorikan sebagai 'latihan memfailkan dokumen'.

"Harta intelek adalah satu bidang perniagaan yang besar dan kami gembira kerana rakyat di negara ini sudah mula sedar mengenainya," katanya dalam siaran media, di sini, semalam.

Orang ramai yang berminat menyertai seminar berkenaan boleh menghubungi penganjur di talian 03-22842281/014-8402172 (Emy) atau melalui e-mel [emy@adastra.com.my](mailto:emy@adastra.com.my).

## Mild quake hits island in Sabah

**KOTA KINABALU:** A mild earthquake, with a magnitude of 4.4 on the Richter scale, was recorded in Pulau Banggi, Kudat, near here.

The **Meteorological Department** said the earthquake occurred at 1.40pm yesterday.

It said in a statement that the epicentre of the quake was 328km southwest of Palawan, the Philippines, and 60km northeast of Pitas, Sabah.

The quake did not pose any tsunami threat, it added.

Pulau Banggi is part of a group of islands located within the Kudat division and off the northern coast of Sabah. — Bernama

# Malaysia urus Lynas ikut standard IAEA

» *Loji diyakini beroperasi dalam keadaan baik, selamat*

Oleh **Norhafzan Jaafar**  
hafzan@bh.com.my

• Kuala Lumpur

**M**alaysia diyakini mampu menguruskan kilang pemrosesan nadi bumi di Lynas, Kuantan, dengan baik dan selamat mengikut standard yang ditetapkan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Kuasa Usaha Misi Amerika Syarikat ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, Laura E Kennedy, berkata keyakinan itu adalah berdasarkan semua usaha yang ditunjukkan negara ini dalam memastikan loji berkenaan menepati aspek keselamatan

antarabangsa.

Katanya, Malaysia melakukan perkara yang betul dengan mengundang IAEA sebanyak dua kali untuk membuat kajian mengenai kesan loji terbabit.

"Malah, menurut laporan agensi terbabit, mereka gembira dengan ketelusan yang ditunjukkan Kerajaan Malaysia dan institusi terbabit dalam memastikan keselamatannya," katanya di sini, semalam.

## Ambil langkah tepat

Laura yang juga Pemangku Gabenor kepada Lembaga Gabenor IAEA berkata, walaupun risiko kesan radiologi kilang nuklear Lynas adalah rendah, Malaysia mengambil langkah paling tepat dari segi pementauan selain mematuhi pelbagai aspek cadangan yang diberikan oleh agensi atom antarabangsa terbabit.

Minggu lalu, IAEA memutuskan kilang pemrosesan nadi bumi di Lynas, dekat Kuantan itu mengeluarkan sisa radioaktif pada paras sangat

rendah.

Perkara itu dinyatakan ketua pasukan dan pengarah Bahagian Kitaran Bahan Api Nuklear dan Teknologi Sisa, Jabatan Tenaga Nuklear IAEA, Juan Carlos Lenjito selepas misi susulan agensi antarabangsa itu dalam mengkaji semula ke-

“

*Menurut laporan agensi terbabit, mereka gembira dengan ketelusan yang ditunjukkan Kerajaan Malaysia dan institusi terbabit dalam memastikan keselamatannya”*

**Laura E Kennedy,**  
Kuasa Usaha Misi Amerika Syarikat ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna

selamatan radiasi di loji terbabit.

## Sedia tawar kepakaran

Laura berkata, kerajaan Amerika Syarikat sendiri bersedia menawarkan kepakaran dan kerjasama teknikal kepada Malaysia dalam bidang nuklear bagi tujuan keamanan.

"Bila kita bercakap mengenai nuklear untuk keamanan, ia membabitkan banyak bidang yang boleh dimanfaatkan terutama perubahan dimana kami boleh membantu mendapatkan akses perubahan nuklear selain tujuan lain," katanya.

Dalam perkembangan lain, Laura mengucapkan tahniah di atas kemenangan Malaysia memperoleh kerusi ahli bukan tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tahun 2015/16.

"Kami gembira kerana Malaysia antara ahli yang aktif dan cemerlang dalam setiap forum di peringkat antarabangsa dan pemilihan ini bertepatan dengan peranannya berikutan Malaysia bakal mengambil alih tugas Pengerusi ASEAN tahun depan," katanya.

Beliau berharap dengan pemilihan itu, Malaysia akan terus mampu mengekalkan tanggungjawabnya di pentas antarabangsa selain meluaskan dialog dan kerjasama di peringkat dunia.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 25 OKTOBER 2014 (SABTU)



## Gempa Bumi Yang Lemah Landa Pulau Banggi, Sabah

KOTA KINABALU, 24 Okt (Bernama) -- Satu gempa bumi yang lemah dengan kekuatan 4.4 pada skala Richter berlaku pada 1.40 tengah hari ini di Pulau Banggi, Kudat dekat sini, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Menurut jabatan itu dalam satu kenyataan, pusat gempa bumi itu ialah 328km di barat daya Palawan, Filipina dan 60km di timur laut Pitas, Sabah.

Gempa bumi itu idak menimbulkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

Pulau Banggi merupakan sebahagian daripada gugusan pulau-pualu yang terletak di dalam Bahagian Kudat dan di luar pantai utara Sabah.

-- BERNAMA